

Pengurusan patut tumpu usaha martabatkan UUM

BH 4/6/05 13:3

PEMILIHAN orang dalam atau luar tidak perlu dibangkitkan dalam pelantikan Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) yang baru asalkan pemimpin berkenaan memenuhi kriteria dan kelayakan akademik juga sahsiah serta daya kepeimpinan yang tinggi.

Saya berpendapat soal sama ada orang dalam atau luar untuk mengambil alih UUM sepatutnya tidak timbul langsung serta menjadi buah mulut pensyarah, pelajar mahupun orang ramai. Sememangnya tidak diragui dalam mencari pengganti baik sepatutnya biarlah orang mengetahui latar belakang UUM yang menerajui.

Persoalannya apakah pengganti orang dalam ini boleh menjadi pemimpin yang baik serta tidak mengambil kesempatan melaksanakan tugasannya dalam membawa UUM ke arah visi yang tercatat di dinding bangunan UUM?

Rasionalnya pelantikan Naib Canselor ditentukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi tidak kira sama ada orang luar atau dalam UUM serta mempunyai kelayakan akademik, daya kepimpinan tinggi serta mempunyai hala tuju dinamik dan cemerlang.

Di sinilah peranan kementerian dalam memilih serta menentukan calon sesuai memegang jawatan yang diidamkan kebanyakan tokoh akademik di setiap universiti.

Imej UUM yang selama ini terkenal dengan universiti yang menjurus kepada skop pengurusan terbaik sememangnya tidak diragui serta perlu ditingkatkan lagi dengan penamba-

han serta pengkhususan bagi jurusan bidang lain yang bersesuaian dengan kehendak serta keperluan negara.

Secara peribadi saya mengakui kepimpinan Allahyarham Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri sememangnya meninggalkan kesan mendalam terhadap peningkatan universiti ini.

Allahyarham adalah Naib Canselor kelima UUM dan menjadi tulang belakang dalam menjana program latihan khidmat negara (PLKN) yang juga memberi manfaat kepada semua. Peninggalan Allahyarham kerana masalah kompilasi jantung baru-baru ini adalah kehilangan besar kepada negara.

Apa yang menjadi isu adalah bagi mencari pengganti yang sesuai dalam memimpin UUM menuju ke arah universiti bertaraf dunia tahun ini. Ketika universiti lain berlumba-lumba dalam menjana penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk membantu meningkatkan teknologi serta prasarana negara, pengurusan UUM pula sibuk melobi untuk melantik orang dalam bagi menggantikan Allahyarham.

Lokasinya yang jauh dari kesesa-

kan kota dan hingar-bingar kenderaan serta tumbuhan yang menghi-jau adalah aset besar dalam pembentukan mental juga sensitiviti pelajar dalam mendalami pembelajaran.

Tambahan pula dengan kemudahan infrastruktur yang lengkap dan teratur langsung tidak menunjukkan UUM terpinggir daripada mana-mana universiti di bandar. Di sinilah peranan pengurusan tertinggi UUM pula dalam memartabatkan lagi universiti ini setaraf dengan universiti yang sering dinobatkan sebagai universiti terbaik di Malaysia.

Percayalah nadi kejayaan dan kecemerlangan negara adalah daripada pemimpinnya begitu juga dengan UUM. Penelitian terperinci perlu dilihat kementerian dalam menentukan bakal pemimpin tertinggi UUM ini.

Saya berharap dan percaya pemilihan Naib Canselor UUM kali ini bakal menyaksikan perubahan drastik dalam menjadikan universiti ini bertaraf dunia bagi meningkatkan taraf pendidikan negara ke suatu tahap yang gemilang.

SYAHARUDIN SHAH MOHD NOOR,
Kepala Batas, Pulau Pinang.

SURAT & EMEL

► Pengarang (Harian Pembaca)

Berita Harian Sdn Bhd

31 Jalan Riong

59100 Kuala Lumpur

• Faks: 03-22822425

• Emel: bhsurat@bharian.com.my

Hanya surat yang disertakan nama, alamat, nombor kad pengenalan dan nombor telefon (jika ada) saja akan dilayan.